



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

07 JUN 2021


A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **336 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **64,206 kes**. Satu (1) kes kematian direkodkan hari ini iaitu di daerah Kota Kinabalu. Takziah diucapkan kepada keluarga terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah 256 menjadikan jumlah kumulatif 61,271 orang. Seramai 1,667 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 518 orang di hospital dan 1,149 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 88 orang dan 24 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Telupid bertukar dari zon kuning ke zon jingga.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 17 daerah
- Zon Jingga dua (2) daerah
- Zon Kuning enam (6) daerah
- Zon Hijau dua (2) daerah

Analisa Kes COVID-19 Di Sabah

- i Pada hari ini, jumlah kes positif COVID-19 di Sabah mencatatkan peningkatan sebanyak 31 kes iaitu daripada 305 kes kelmarin (06 Jun 2021) kepada 336 kes (07 Jun 2021).
- ii Daripada 336 kes jangkitan baharu hari ini, 140 kes adalah hasil daripada saringan kontak rapat, 117 kes adalah daripada saringan kluster, 31 kes adalah daripada saringan bergejala, 32 kes daripada saringan bersasar dan 16 kes adalah daripada lain-lain kes.
- iii Terdapat 11 daerah yang mencatatkan peningkatan kes hari ini dengan tujuh (7) daerah mencatatkan peningkatan kes pada julat satu (1) angka, manakala empat (4) lagi daerah lain mencatatkan peningkatan kes pada julat dua (2) angka iaitu Papar 43 kes (+29), Kalabakan 19 kes (+18), Tuaran 13 kes (+11) dan Telupid 12 kes (+12). Daerah Pitas kekal catatan kes baharu sebagaimana hari kelmarin iaitu dengan satu (1) kes.
- iv Walau bagaimana pun, 10 daerah di Negeri Sabah mencatatkan penurunan kes. Enam (6) daerah mencapai penurunan kes dengan julat satu (1) angka manakala empat (4) daerah lagi menunjukkan penurunan pada julat dua (2) angka iaitu Kudat (-27), Nabawan (-11), Kota Kinabalu (-10) dan Penampang (-10).
- v Pada hari ini, tujuh (7) daerah mencatatkan sifar (0) kes iaitu Beluran, Tongod, Sipitang, Tenom, Nabawan, Keningau dan Tambunan.
- vi Perubahan angka untuk keseluruhan daerah-daerah di Sabah adalah tidak statik kecuali daerah yang mengekalkan status Zon Hijau. Trend ini menandakan bahawa adanya jangkitan baharu setiap hari, dengan pengekalan hanya dua (2) daerah berstatus Zon Hijau. Kes baharu adalah signifikan kepada kebarangkalian berlakunya aktiviti ketidakpatuhan kepada SOP yang telah digariskan.
- vii Orang ramai digesa untuk kekal berada di rumah dan bagi mereka yang bekerja, hadkan pergerakan kerana kebergantungan penurunan kes atau jangkitan baharu adalah sangat dipengaruhi oleh sejauh mana komuniti mematuhi SOP Kendiri dan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

Terdapat **empat (4) kluster baharu** direkodkan hari ini.

- i **Kluster Hamparan, Kinabatangan** membabitkan jangkitan COVID-19 dalam kalangan pekerja serta keluarga di Kilang Sawit Ong YaHoo, Kinabatangan. Kes indeks merupakan wanita, 26, pekerja pengurusan (*Quality Assurance Executive*) di kilang berkenaan yang disahkan positif (RTK-Ag) di Klinik Swasta Mabello Paris 3 pada 29 Mei 2021, setelah mengalami gejala sejak 25 Mei 2021. Saringan kontak mendapati 17 kes positif di tempat kerja serta sembilan (9) kes lagi adalah kontak tanggungan (*dependant*), menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 27 kes. Aktiviti siasatan, persampelan COVID-19 dan disinfeksi masih diteruskan di lapangan untuk menilai sebaran jangkitan dan risiko kemungkinan jangkitan lebih meluas kepada pekerja kilang dan ladang yang lain.
- ii **Kluster Kampung Bolong Baru-Tuaran, Kota Belud** adalah kluster ekoran sambutan aidilfitri yang menular dalam komuniti dan tempat kerja. Kes indeks ialah suri rumah, 28, dari Kg Bolong Baru yang mempunyai gejala demam, sakit tekak, selesma, batuk dan hilang deria bau sejak 22 Mei 2021, sebelum disahkan positif RTK Antigen pada 27 Mei 2021. Susulan penemuan kes positif itu, saringan kontak dijalankan bermula pada 27 Mei 2021 terhadap 259 kontak rapat dan tempat kerja iaitu QL Marine, Tuaran. Daripada jumlah itu, 26 kes positif didaftarkan di daerah Tuaran manakala tujuh (7) kes lagi di daerah Kota Belud, menjadikan jumlah terkini sebanyak 33 kes. Berdasarkan maklumat, kes indeks dipercayai mendapat jangkitan daripada ahli keluarga dalam aktiviti kunjung - mengunjung pada hari raya pertama dan kedua di Kg Bolong Baru, Kg Tambalang dan Kg Kota, Tuaran.

- iii **Kluster Taman Wawasan - Beaufort, Papar, Kota Kinabalu** direkodkan di Hospital Papar apabila ujian RT-PCR kluster indeks, lelaki, 66, disahkan positif pada 18 Mei 2021, setelah bergejala sejak 07 Mei 2021 namun tidak mendapatkan rawatan. Saringan kontak pada 22 Mei 2021 mendapati dua (2) kes positif masing-masing di Klinik Kesihatan dan klinik swasta di Kota Kinabalu. Kedua-dua kontak rapat ini terlibat dengan aktiviti kunjung-mengunjung semasa hari raya di Kampung Tarap Bongawan. Turut dikesan positif, empat (4) sekeluarga di Taman Wawasan Beaufort yang membawa kepada penemuan 16 lagi kes positif di taman terbabit. Pada hari ini, tujuh (7) kes baharu dikesan positif menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 30 kes. Aktiviti saringan serta mengenal pasti punca jangkitan masih giat dijalankan.
- iv **Kluster Jalan Budi, Tawau** melibatkan individu yang dikesan negatif RT-PCR ketika menjalani saringan masuk ke Sabah pada 19 Mei 2021, namun disahkan positif dalam saringan Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) pada 02 Jun 2021. Kes indeks merupakan wanita, 37, pekerja salon kecantikan di Johor mula bergejala pada 30 Mei 2021, sebelum didapati positif pada 2 Jun 2021. Saringan kontak rapat kemudian menemukan sembilan (9) kes positif dalam kalangan rakan serumah, menjadikan jumlah terkini sebanyak 10 kes. Pengesahan kontak dan punca jangkitan masih dijalankan.

7 Jumlah kapasiti katil 4,069 unit

- Hospital 654 unit
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,995 unit
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 40.97%

B MASA OPERASI SEKTOR PERNIAGAAN DAN PRKHIDMATAN YANG DIKEMASKINI

Kerajaan Negeri mengambil perhatian terhadap maklum balas daripada pelbagai pihak. Dengan yang demikian, masa operasi perniagaan adalah dipinda seperti di **Lampiran A** dan **BERKUATKUASA SERTA MERTA.**

C TATACARA BERHUBUNG RENTAS DAERAH/SEKATAN JALANRAYA BAGI PERKHIDMATAN PERLU (*ESSENTIAL SERVICES*) DAN BARANGAN PERLU (*ESSENTIAL GOODS*)

- 1 Kebenaran beroperasi untuk Perkhidmatan Perlu (*Essential Services*) dan Barang Perlu (*Essential Goods*) adalah terletak di bawah kuasa Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.
- 2 Kerajaan Negeri Sabah melalui **Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (COVID-19)** bertanggungjawab menyediakan **Tatacara Operasi Standard (SOP) Umum Khas untuk Negeri Sabah** yang telah diwartakan, dengan perincian bagi setiap aktiviti dan rantaiannya telah dikeluarkan oleh **semua Kementerian di Negeri Sabah.**
- 3 Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (COVID-19) telah pun memutuskan tiada keperluan mendapatkan kelulusan daripada MITI untuk rentas daerah bagi pekerja *Essential Services & Essential Goods* di Sabah.
- 4 Walau bagaimanapun, pekerja-pekerja ini perlu menyediakan **Surat Majikan dan Surat Kebenaran Rentas Daerah** daripada **PDRM** sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Kenyataan Media bertarikh **02 Jun 2021.**

D PELAKSANAAN SOP DAN SJR MENGIKUT PROSEDUR MKN

- 1 Susulan keputusan Kerajaan Negeri yang menguatkuasakan larangan rentas daerah sebagai langkah membendung penularan COVID-19 semalam, Polis Kontinjen Sabah pada hari ini memeriksa 54,502 buah kenderaan menerusi 125 SJR di seluruh Sabah.

- 2 Pemeriksaan lebih ketat oleh Polis menyebabkan pergerakan aliran trafik perlahan di kebanyakan jalan utama, justeru 769 buah kenderaan juga telah di arah patah balik kerana membawa penumpang melebihi had ditetapkan dan tiada surat kebenaran.
- 3 Oleh yang demikian, masyarakat diharap dapat memahami pelaksanaan SOP serta kawalan ketat tersebut adalah mengikut prosedur yang telah diwartakan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) di bawah **Akta 342, Kementerian Kesihatan Malaysia**.

E PKPD LIMA (5) LOKALITI DI TAWAU

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan peningkatan kes COVID-19 di lima (5) lokaliti di Tawau melibatkan:
 - Kampung Tanjung Batu Darat
 - Taman Apas Permai
 - Bandar Sri Indah
 - Taman Megah Jaya
 - Jalan Budi, Sri Tanjung
- 2 Sehingga kini, KKM melaporkan sebanyak 10 kes positif telah direkodkan di Kampung Tanjung Batu Darat, Taman Apas Permai (18 kes), Bandar Sri Indah (36 kes), Taman Megah Jaya (14 kes) dan 10 kes di Jalan Budi, Sri Tanjung.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, **Kerajaan Negeri bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di lima (5) lokaliti yang dinyatakan berkuatkuasa 09 Jun sehingga 22 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD bagi menyekat pergerakan keluar masuk ke lokaliti-lokaliti Ini sekaligus mengelakkan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko ke komuniti lain.

F PKPD TAMAN PERDANA, LAHAD DATU

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini juga melaporkan peningkatan kes COVID-19 di Taman Perdana, Lahad Datu.
- 2 Sehingga kini, KKM melaporkan sebanyak lapan (8) kes positif telah direkodkan hasil dari 66 ujian saringan yang dilakukan dengan kadar positiviti 12.1%.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, **Kerajaan Negeri bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Perdana, Lahad Datu berkuatkuasa 09 Jun sehingga 22 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM melaksanakan pengesanan awal kes serta memastikan penduduk yang berisiko dijangkiti kekal berada di dalam kawasan PKPD bagi mengelakkan penularan jangkitan keluar dari lokaliti tersebut.

G PKPD KAMPUNG NARANDANG, KUDAT

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini juga melaporkan peningkatan kes COVID-19 di Kampung Narandang, Kudat.
- 2 Sehingga kini, KKM melaporkan sebanyak 16 kes positif telah direkodkan hasil dari 31 ujian saringan yang dilakukan dengan kadar positiviti 51.61%.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, **Kerajaan Negeri bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Narandang, Kudat berkuatkuasa 09 Jun sehingga 22 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM melaksanakan pengesanan awal kes serta memastikan penduduk yang berisiko dijangkiti kekal berada di dalam kawasan PKPD bagi mengelakkan penularan jangkitan keluar dari lokaliti tersebut.

- H PENAMATAN PKPD DUA (2) LOKALITI DI PUTATAN**
- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) Lokaliti di Putatan iaitu Taman Seri Ketiau dan Taman Desa Seri Ketiau yang dijadualkan tamat pada 08 Jun 2021.
 - 2 Dalam tempoh itu, KKM telah melakukan 1,716 ujian saringan di kedua-dua lokaliti ini dan 24 daripadanya disahkan positif COVID-19.
 - 3 KKM juga mengesahkan terdapat penurunan kes dan kluster adalah terkawal serta tiada kes baharu yang direkodkan.
 - 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di dua (2) Lokaliti di Putatan iaitu Taman Seri Ketiau dan Taman Desa Seri Ketiau pada 08 Jun 2021 (11:59 malam), seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.
- I PENAMATAN PKPD KAMPUNG SUNGAI IMAM, TAWAU**
- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Sungai Imam, Tawau yang dijadualkan tamat pada 08 Jun 2021.
 - 2 Dalam tempoh itu, KKM telah melakukan 808 ujian saringan dan 37 kes positif COVID-19 telah direkodkan dan kes terakhir yang dilaporkan adalah pada 03 Jun 2021 iaitu enam (6) kes.
 - 3 KKM juga mengesahkan terdapat penurunan kes dan kluster adalah terkawal serta semua kes positif telah diasingkan dan dimasukkan ke PKRC dan kontak rapat diasingkan dan dipantau sehingga hari ke-14.
 - 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Sungai Imam, Tawau pada 08 Jun 2021 (11:59 malam), seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

J STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak **58,842** orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak **53,049** orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **7,540** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **116,422** orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2, **22** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **32,640** orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 1,478 menjadikan jumlah kumulatif yangmendaftar sebanyak 580,787 (mysejahtera 510,124 : laman web 70,430 : talian vaksinasi 233) bersamaan 19.8%.

K BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **341,970** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

L LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 125 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 54,502 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 769 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 77 hebahan melalui kereta peronda dengan 13 tangkapan dibuat.

- 2 Sebanyak 109 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
- 42 orang : Tidak memakai pelitup muka/Tidak memakai pelitup separuh muka dengan betul.
 - 32 orang : Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran pelanggan.
 - 19 orang : Keluar rumah tanpa alasan munasabah.
 - Tiga (3) orang : Premis beroperasi lebih masa tanpa kebenaran.
 - Lima (5) orang : Tiada penjarakan sosial.
 - Empat (4) orang : Membawa penumpang berlebihan.
 - Empat (4) orang : Rentas negeri / daerah tanpa kebenaran.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 137 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 40 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, dua (2) tangkapan dibuat iaitu satu (1) tangkapan di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002 dan Akta Kawalan Bekalan 1961 dan satu (1) tangkapan di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002.
- 4 Laporan Kompaun Pihak Berkuasa Tempatan
- i Enam (6) Kompaun : Gagal mendaftar masuk premis menggunakan mysejahtera/buku pendaftaran. Kompaun dikeluarkan di daerah Keningau, Papar dan Tawau.
 - ii Dua (2) Kompaun : Tidak memakai pelitup muka di premis awam. Kompaun dikeluarkan di daerah Telupid.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 295 lokasi melibatkan seramai 176 anggota APM.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 61 anggota di 66 lokasi.

- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tujuh (7) premis, melibatkan empat (4) buah daerah iaitu di daerah Kinabatangan, Sandakan, Ranau dan Kota Kinabalu.
- 8 Sejumlah 332 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di sembilan (9) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 78 hebahan di seluruh Sabah

M KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP 3.0 pada hari ini ialah **95.1%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH | PERATUS |
|-----|---------------|---------|
| 1 | Tenom | 96% |
| 2 | Sipitang | 96% |
| 3 | Beaufort | 96% |
| 4 | Beluran | 96% |
| 5 | Semporna | 95.5% |
| 6 | Ranau | 95.5% |
| 7 | Keningau | 95.5% |
| 8 | Kota Marudu | 95% |
| 9 | Kudat | 95% |
| 10 | Sandakan | 95% |
| 11 | Kota Belud | 95% |
| 12 | Kunak | 95% |
| 13 | Lahad Datu | 95% |
| 14 | Tuaran | 94.5% |
| 15 | Kota Kinabalu | 94.5% |
| 16 | Tawau | 94.5% |
| 17 | Papar | 94.5% |
| 18 | Penampang | 94.5% |
| 19 | Kinabatangan | 94.5% |

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**

LAMPIRAN A

MASA OPERASI SEKTOR PERNIAGAAN DAN PERKHIDMATAN

| BIL | JENIS PERNIAGAAN | MASA OPERASI |
|-----|---|---------------------------------|
| 1 | Restoran, cafe, kedai makan, gerai makan, kenderaan bersaji (<i>food truck</i>), penjaja, medan selera, kedai serbaneka, perkhidmatan penghantaran (<i>delivery</i>) makanan, pembelian makanan secara bawa pulang (<i>take away</i>) dan pandu lalu (<i>drive thru</i>) | 7.00 pagi hingga 7.00 petang |
| 2 | Pasar Awam / Pasar Harian | 6.00 pagi hingga 3.00 petang |
| 3 | <p>Perdagangan Peruncitan Dan Pengedaran Dibenarkan Adalah Seperti Berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. pasar raya, 2. pasar raya besar (<i>hypermall</i>) dan <i>departmental store</i> yang mempunyai seksyen makanan dan minuman, keperluan asas, 3. Kedai farmasi dan klinik, 4. Kedai penjagaan diri, 5. kedai serbaneka, 6. Kedai hardware, 7. Kedai Elektrik dan Elektronik, 8. Kedai runcit dan <i>Mini mart</i>, 9. <i>Kedai makan</i> dan Restoran untuk bawa pulang dan penghantaran ke rumah; 10. Dobi (termasuk layan diri); 11. Kedai penjagaan haiwan dan makanan haiwan; 12. Kedai cermin mata dan barang optik; 13. Kedai <i>hardware</i>; 14. Bengkel kenderaan, penyelenggaraan dan alat ganti; 15. E-dagang (semua kategori produk); 16. Pemborongan dan pengedaran (semua kategori produk perkhidmatan perlu sahaja); 17. Kedai buku dan alat tulis; 18. Pusat pengedaran dan penjualan kereta; 19. Kedai peralatan sembahyang dan pengebumian; 20. Pusat khidmat cucian kereta; dan 21. Kedai menjual telefon, <i>handphone</i> dan membaiki telefon. <p>Waktu operasi premis perniagaan yang dibenarkan di dalam Kompleks Membeli Belah adalah mengikut waktu operasi Kompleks Membeli Belah.</p> | 7.00 pagi hingga 7.00 malam |

| BIL | JENIS PERNIAGAAN | MASA OPERASI |
|------------|--|--|
| 4 | Stesen Minyak dan Kedai Serbaneka di Stesen Minyak | 6.00 pagi hingga 8.00 malam |
| 5 | Waktu operasi Pejabat Firma Profesional. - Akauntan, Peguam, Auditor, Jurutera, Arkitek, Juruukur Berlesen, Juruukur Bahan, Jurunilai, Perancang Bandar, Saintifik (termasuk R&D) dan teknikal (termasuk peyenggaraan) serta semua khidmat profesional. | 9.00 pagi hingga 5.00 petang |
| 6 | Waktu operasi bagi institusi kewangan dan perbankan. | 8.30 pagi hingga 5.30 petang |
| 7 | Waktu operasi bagi lain-lain aktiviti yang dibenarkan adalah dikekalkan seperti dalam SOP Umum Sabah bertarikh 31 Mei 2021. | SOP Umum Sabah bertarikh 31 Mei 2021. |
| 8 | Waktu operasi bagi Sektor Pengangkutan Awam, Maritime dan Sektor Pembinaan dan Penyelenggaraan adalah mengikut SOP Kementerian Kerja Raya Sabah bertarikh 01 Jun 2021. | SOP Kementerian Kerja Raya Sabah bertarikh 01 Jun 2021. |
| 9 | Waktu operasi bagi peruncitan berkaitan sektor pertanian, tanaman dan rantaianya adalah mengikut SOP Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah bertarikh 31 Mei 2021. | SOP Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah bertarikh 31 Mei 2021. |
| 10 | Waktu operasi bagi Sektor Perkilangan dan Pembuatan adalah mengikut SOP Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah bertarikh 31 Mei 2021. | SOP Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah bertarikh 31 Mei 2021. |